

28 SEP 2003

Mahathir-PBB (Bergambar)

USAHA SUSUN SEMULA PBB RUMIT DAN AMBIL MASA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lima negara yang memegang kuasa veto dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak akan bersetuju dengan sebarang cadangan penyusunan semula badan dunia itu jika ianya menjejaskan kedudukan serta pengaruh mereka.

Bagaimanapun, katanya, usaha menyusun semula struktur PBB mesti diteruskan walaupun proses itu akan mengambil masa yang panjang dan rumit.

Katanya, apa juga cadangan penyusunan semula PBB mesti mendapat sokongan lima negara anggota tetap Majlis Keselamatan iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Russia dan China.

"Itu (penyusunan semula) tak mudah kerana kita telah beri kuasa veto kepada lima buah negara itu dan apa juga cadangan penyusunan PBB mestilah mendapat sokongan daripada mereka," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, dekat sini, hari ini, sekembalinya daripada lawatan ke London, Sweden, New York dan Monaco.

"Saya tekankan bahawa ini adalah sesuatu yang tidak demokratik sedangkan kita tahu negara-negara ini semuanya bercakap mengenai demokrasi.

"Mereka nak dunia ini supaya menjadi demokratik sehingga mereka sanggup mengguna kekerasan untuk memaksa dunia menerima sistem demokrasi," katanya.

Perdana Menteri diminta mengulas ucapannya di Perhimpunan Agung PBB Khamis lepas di mana beliau telah menyarankan agar sistem veto diubahsuai bagi memastikan keputusan yang lebih kolektif dapat dicapai.

Ketika membuat saranan itu, Dr Mahathir mencadangkan supaya keistimewaan kuasa veto satu negara digantikan dengan dua kuasa veto serta disokong tiga lagi anggota Majlis Keselamatan bagi menghalang sebarang resolusi PBB.

Katanya, yang lebih mendukacitakan ialah ada antara lima negara pemegang kuasa veto itu yang sanggup mengetepikan suara dua atau tiga rakan mereka (yang juga pemegang kuasa veto) serta PBB secara keseluruhannya untuk memenuhi kehendak mereka seperti keputusan menyerang Iraq pada Mac lalu.

"Sedangkan mereka sendiri tidak amal demokrasi, mereka anggap ini sebagai satu hak istimewa mereka. Dalam demokrasi, kita tak terima hak istimewa seperti ini. Melainkan mendapat persetujuan semua pihak.

"Jelas sekali bahawa majoriti negara-negara yang menjadi ahli PBB tidak bersetuju dengan keadaan sekarang," kata Dr Mahathir.

Justeru, Perdana Menteri berkata semua negara dalam PBB mesti terus mendesak badan dunia itu walau seberapa lama pun kerana jika dibiarkan, keadaan tidak demokratik itu akan berterusan.

"Kalau tidak, kita akan terus dikongkong oleh lima buah negara ini," katanya.

Pada sidang media itu, Dr Mahathir turut ditanya sama ada beliau bimbang sekiranya berlaku perebutan kuasa untuk jawatan-jawatan tertentu dalam Umno khususnya jawatan Timbalan Presiden dan sebagainya apabila beliau bersara pada 31 Oktober ini.

"Saya berpendapat walaupun ada dalam parti-parti komponen rebutan kuasa, akhirnya ianya dapat diselesaikan dengan cara yang bijak," katanya.

Dalam ucapan beliau minggu lalu di Sambutan Ulangtahun ke 50 Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata beliau yakin tidak akan berlaku perebutan kuasa apabila beliau bersara kelak.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada anggota Umno untuk memastikan

parti itu terus mantap dan dinamik, Dr Mahathir berkata: "Dalam Umno kita mesti berpegang kepada amalan-amalan yang baik."

-- BERNAMA

RBZ KHY PR